

Peruntukan tambahan, usaha kerajaan elakkan pelajar tertinggal

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Peruntukan tambahan sebanyak RM2.6 bilion untuk pembangunan pendidikan luar bandar merupakan satu usaha bersungguh kerajaan bagi memastikan pelajar di kawasan itu tidak terus ketinggalan.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohd. Noor berkata, beliau yakin melalui usaha tersebut, sekolah di kawasan luar bandar akan mampu melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang.

"Cuma, apa yang saya harapkan ialah setiap perancangan perlu dibuat mengikut jadual. Elakkan segala kerenah birokrasi agar pelajar

luar bandar dapat menikmati kemudahan yang disediakan dalam kadar yang segera.

"Mereka juga perlu mendapat kemudahan seperti rakan-rakan mereka yang bersekolah di kawasan bandar. Saya cukup gembira dengan peruntukan yang dibuat oleh kerajaan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan peruntukan tambahan RM2.6 bilion bagi pembangunan pendidikan luar bandar menjadikan keseluruhan peruntukan untuk penduduk desa di seluruh negara berjumlah RM12.3 bilion.

Perdana Menteri berkata, tambahan peruntukan itu akan memberi manfaat kepada lebih 2.2 juta pelajar luar bandar dan akan dapat digunakan untuk membela nasib mereka agar mampu bersaing dengan pelajar di kawasan bandar.

Menurut Abdullah, pelajar luar bandar perlu diberi keadilan untuk turut menikmati kemudahan pendidikan yang sama taraf dengan pelajar di bandar sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan keupayaan masing-masing.

Murad berkata, antara keperluan yang perlu diberikan keutamaan ialah menyediakan guru

UM-17/2/2007
yang berpengalaman luas, dedikasi dan berwibawa untuk ditempatkan di sekolah luar bandar termasuk pedalaman.

"Guru merupakan aset paling penting di dalam sektor pendidikan. Saya cukup menghargai kerajaan kerana mereka bersetuju memberikan insentif yang lebih kepada guru-guru kita di kawasan luar bandar.

"Paling tidak langkah ini mampu memberikan rangsangan kepada guru-guru kita untuk bertugas lebih lama di kawasan ini. Bagi saya tidak salah kita memberi imbuhan atas pengorbanan yang telah diberikan oleh guru-guru kita," ujarnya.